

PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA DAN KEDUA 2025

PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA DAN KEDUA 2025

CABUTAN BERTUAH

CUKAI TAKSIRAN JOM BAYAR & MENANG

HANYA SAH UNTUK PEMBAYARAN YANG DIBUAT MULAI
1 DISEMBER 2024- 28 FEBRUARI 2025

CUKAI
TAKSIRAN
PENGGAL
1&2/ 2025

Penyertaan
adalah tertakluk
kepada TERMA
& SYARAT

SYARAT UTAMA

MENJELASKAN KESELURUHAN CUKAI TAKSIRAN 2025
TERMASUK TUNGGAKAN SECARA TANPA TUNAI SAHAJA!

Majlis Daerah Kerian | mdkerian | mdkerian.gov.my

PROGRAM PEMERKASAAN TRANSAKSI DIGITAL MAJLIS DAERAH KERIAN SERTA PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2025 SECARA DALAM TALIAN (TANPA TUNAI)

Majlis Daerah Kerian menganjurkan Promosi Bayaran Cukai Taksiran Tahun 2025 Bagi penggal Pertama dan Kedua Secara Dalam Talian (tanpa tunai) sebagai galakan kepada para pembayar cukai untuk menjelaskan sepenuhnya cukai taksiran tahun 2025 beserta tunggakan (sekiranya ada) melalui gerbang pembayaran Majlis Daerah Kerian atau mana-mana saluran pembayaran dalam talian.

Promosi ini dimeriahkan dengan pelbagai hadiah cabutan bertuah yang telah disediakan bagi menggalakkan orang ramai menjelaskan bayaran cukai taksiran secara dalam talian (tanpa tunai). Ia juga dilaksanakan bagi menyokong inisiatif transformasi pembayaran digital Majlis Daerah Kerian.

Berikut adalah terma dan syarat penyertaan serta senarai hadiah bagi cabutan bertuah yang telah disediakan oleh Majlis Daerah Kerian:

1) Terbuka kepada semua pemilik akaun cukai taksiran dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kerian (kakitangan Majlis Daerah Kerian, pemaju dan agensi kerajaan adalah tidak layak untuk menyertai promosi ini).

2) Pemilik akaun cukai taksiran mesti membuat bayaran penuh ke atas keseluruhan jumlah cukai taksiran tahun 2025 (untuk 2 penggal termasuk semua tunggakan sekiranya ada). Bayaran cukai taksiran yang dibuat untuk tempoh separuh penggal dan mempunyai tunggakan adalah tidak layak untuk menyertai promosi ini.

3) Pembayaran mesti dibuat melalui saluran pembayaran tanpa tunai dalam talian, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- *Jompay*
- Perbankan Internet iaitu Maybank, CIMB, BSN, Bank Rakyat, Bank Islam
- Portal e-bayar MDK: <https://ebayar.mdkerian.gov.my>
- Portal Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan: <https://pbtpay.kpkt.gov.my>
- Pembayaran menggunakan kad kredit/ debit
- *QRpay/ scan & pay*

4) Pembayaran di **kaunter** MDK secara tunai/ cek adalah **tidak layak** untuk menyertai promosi ini.

5) Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan mulai 01 Disember 2024 hingga 28 Februari 2025.

6) Setiap pemilik akaun cukai taksiran yang layak hanya berpeluang memenangi **satu** cabutan bertuah sahaja.

7) Nama pemilik di dalam rekod cukai harta hendaklah sama dengan pemilik terkini. Pemilik perlu melengkapkan maklumat pemilik pada Borang I (Borang Pindah Milik) dan Borang J (Borang Waris) jika data berbeza.

8) Penyertaan adalah secara automatik tanpa perlu mengemukakan borang penyertaan.

9) Hanya dibuka untuk warganegara Malaysia sahaja.

10) Setiap pemenang akan dihubungi melalui telefon, penghantaran surat dan hebahan melalui laman sesawang dan media sosial rasmi Majlis Daerah Kerian.

11) Penerima cabutan bertuah perlu datang menuntut sendiri hadiah kemenangan.

12) Sekiranya berlaku kematian pada pemilik dalam tahun cabutan, waris yang sah mengikut undang – undang boleh menuntut hadiah kemenangan tertakluk kepada kematian pada tahun cabutan bertuah dibuat. Sekiranya kematian berlaku sebelum tahun cabutan maka kemenangan terbatal secara automatik.

13) Sebarang maklumat yang tidak dikemaskini/ tidak terkini/ tiada maklumat di dalam sistem taksiran MDK, maka kemenangan terbatal secara automatik.

14) Sekiranya terdapat percanggahan antara maklumat yang diberikan oleh pemenang dengan MDK, maka kemenangan terbatal secara automatik.

Hadiah cabutan bertuah yang disediakan adalah seperti jadual di bawah:

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	SKYWORTH 43" 2K GOOGLE TV
Tempat ke - 2	HAIER 1.0HP NON - INVERTER SPLIT A/COND
Tempat ke - 3	MIDEA 185L CHEST FREEZER
Tempat ke - 4	MISTRAL 20L AIR COOLER
Tempat ke - 5	SAMSUNG 1800W VACUUM
Tempat ke - 6	MISTRAL 16" STAND FAN
Tempat ke - 7	ALPHA NON - PUMP WATER HEATER, WHITE
Tempat ke - 8	BEKO 2000W SINGLE INDUCTION HOB COOKER
Tempat ke - 9	PANASONIC 20L MICROWAVE OVEN
Tempat ke - 10	MISTRAL GARMENT STEAMER, 1.8L WATER TANK
Tempat ke - 11	FABER 2 BURNER TEMPERED GLASS GAS COOKER
Tempat ke - 12	SHARP 1.8L DIGITAL RICE COOKER
Tempat ke - 13	HANABISHI 2 IN 1 STEAMBOT
Tempat ke - 14	PHILIP 2.0L JAR RICE COOKER
Tempat ke - 15	PANASONIC BLENDER TWIN JUG
Tempat ke - 16	PANASONIC 1000W DRY IRON HEAVY WEIGHT
Tempat ke - 17	MIDEA 1.5L ELECTRIC JUG KETTLE
Tempat ke - 18	MIDEA 16" TABLE FAN
Tempat ke - 19	PANASONIC HAIR DRYER 1000W TURBO
Tempat ke - 20	PENSONIC IRON 2KG 1200W

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada penghujung bulan **Mac / April 2025**. Untuk maklumat lanjut mengenai **Promosi Bayaran Cukai Taksiran bagi Penggal Pertama dan Kedua 2025**, sila hubungi talian *helpdesk* cukai taksiran di **05- 7161228/126** atau e-mel di ezura8u@gmail.com.